

Pengundi penerus amalan demokrasi

Boikot pilihan raya tidak bantu penambahbaikan sistem sedia ada

BH MS10 27/10/07

INTI PATI

Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

KEPUTUSAN pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam esok tidak begitu dinantikan. Semua indikator menunjukkan yang Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan rekod memenangnya setiap kali. Apa yang dinantikan ialah berjayakah BN menambah majoriti dan adakah calon Bebas hilang deposit.

Ini berikutan pakatan pembangkang yang terdiri daripada Pas dan Parti Keadilan Rakyat memboikotnya. DAP pula tidak berminat bertanding. Oleh kerana itu, calon BN, Abd Aziz Mat Kiram, 47, hanya ditentang calon Bebas, Ng Chee Pang, 22.

Dalam kenyataannya bagi menerangkan mengapa memboikot, Pas dan Keadilan menyenaraikan kepincangan yang didakwanya berlaku dalam Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Apapun alasan yang diberikan, sebenarnya pembangkang mengira Batu Talam hanya membuang masa, tenaga dan wang mereka. Pas, iaitu pemain utama di kalangan pembangkang di sini, tidak pernah menunjukkan prestasi yang baik, jauh sekali untuk menang.

Pada pilihan raya umum lalu, Pas kalah dengan majoriti 2,761 undi. Memandangkan besar kemungkinannya ini adalah pilihan raya kecil yang terakhir sebelum

- Tindakan boikot hanya helah pembangkang untuk elak kekalahan di Batu Talam.
- Tindakan Pas yang secara terang-terangan memboikot tetapi dalam senyap-senyap berkempen disifatkan sebagai talam dua muka dan penipuan.
- Kelemahan sistem pilihan raya tidak terlalu serius sehingga mewajarkan tindakan memboikot.
- Sistem di Batu Talam sama dengan yang digunakan pada pilihan raya umum lalu. Jika pakatan pembangkang menyertai pilihan raya umum lalu, mengapa Batu Talam diboikot?
- BN melihat sistem pilihan raya dengan semangat muhasabah dan menganggap sebagai kekurangan dan kelemahan yang boleh dibaiki, manakala pembangkang melihatnya sebagai penipuan dan penyelewengan.

ri Abdullah Ahmad Badawi sehingga pembangkang ketandusan isu nasional untuk dipentaskan. Memang pilihan raya kecil tidak ada isu nasional. Yang ada hanyalah beberapa isu tempatan yang kecil.

Tetapi, perkara berkenaan diselesaikan dengan berkesan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Selepas Batu Talam dan menjelang pilihan raya umum akan datang, ada kemungkinan yang pakatan pembangkang akan terus memainkan isu boikot ini. Hakikatnya ialah tidak ada sistem pilihan raya yang sempurna. Setiap satunya mempunyai kekurangan dan kelemahan tertentu.

Arend Lijphart (1999) dalam bukunya *Patterns of Democracy* membincangkan kajiannya terhadap bentuk dan prestasi demokrasi di 36 negara dari 1945 hingga 1996. Dari sini, kita dapat melihat sistem pilihan raya bukanlah satu-satunya perkara yang menjamin demokrasi diamalkan dengan baik.

Ada elemen demokrasi yang lain, antaranya pembentukan dan pengurusan eksekutif dan legislatif, hubungan antara kerajaan pusat dan negeri, sistem berparti, kewujudan badan masyarakat sivil, keluhuran Perlembagaan, kedudukan bank pusat serta keselamatan dan keamanan.

Sistem pilihan raya, walaupun penting, hanyalah satu daripada sebaris elemen yang menjamin amalan demokrasi.

Dalam konteks negara kita, adakah sebaris elemen berkenaan begitu teruk sehingga mewajarkan satu daripadanya, iaitu sistem pilihan raya, menjadi elemen penentu hingga menjejaskan kredibiliti dan malah berkesan. BN ini searti

maka, sistem pada Pilihan Raya Umum 1969 yang paling baik. Tetapi, lihatlah akibatnya – peristiwa berdarah 13 Mei!

Justeru, ukuran yang paling tepat ialah yang diberikan oleh pengundi. Pada pilihan raya umum lalu, pengundi memberikan kemenangan paling besar dalam sejarah BN. Dengan kata-kata lain, pengundi menerima baik sistem yang ada, yang melalui banyak penambahbaikan.

Sistem yang digunakan di Batu Talam adalah sama dengan yang digunakan pada pilihan raya umum lalu. Soalnya ialah, jika pakatan pembangkang menyertai pilihan raya umum lalu, maka mengapa pula dengan tiba-tiba saja, Batu Talam diboikot?

Antara Pilihan Raya Umum 1999 dan yang lalu saja, sebanyak 32 pindaan dibuat terhadap Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Semuanya dengan tujuan menjadikan sistem kita lebih adil dan saksama.

Tetapi, ini tidak bermakna ia tidak perlu diperbaiki lagi. Penambahbaikan perlu sentiasa dijalankan. Dalam hal ini, tidak bermakna BN tidak ada apa-apa kritikan terhadap sistem pilihan raya kini. Masalah daftar pengundi, contohnya, turut dihadapi BN. Tetapi, ia tidak sebegitu teruk sehingga mewajarkan pemboikotan.

Begitu juga halnya dengan beberapa perkara lain dalam sistem pilihan raya ini. Pokoknya ialah ada perbezaan antara BN yang melihatnya dengan semangat muhasabah sebagai kekurangan dan kelemahan yang boleh dibaiki dengan pembangkang yang melihatnya sebagai pe-

pilihan raya kecil yang terakhir sebelum Pilihan Raya Umum Ke-12 dan rekodnya pada pilihan raya kecil tidak memberangsangkan, Pas tidak mahu melangkah ke pilihan raya itu dengan kekalahan lebih teruk lagi. Jadi, memboikot adalah tidak lebih daripada gimik dan helah politik semata-mata.

Persoalannya ialah adakah pakatan pembangkang benar-benar memboikot Batu Talam? Pada peringkat awal tempoh berkempen, tiada sebarang gerakan dilakukan pakatan pembangkang. Tetapi, beberapa hari menjelang hari membuang undi, beberapa pemimpinnya mula ber-ceramah.

Naib Presiden Pas, Datuk Husam Musa, contohnya, tidak menyatakan supaya jangan keluar mengundi. Beliau juga tidak berkempen bagi calon Bebas tetapi berharap mereka keluar mengundi dan kurangkan majoriti BN. Tetapi, di samping itu, ada pula surat Pas yang menyatakan wajib mengundi calon Bebas. Ini membuat pengundi gelisah dan keliru.

Tindakan Pas yang secara terang-terangan berkata, boikot tetapi dalam se-

nyap-senyap berkempen ini disifatkan Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak, sebagai talam dua muka dan penipuan.

Apabila keputusannya diumumkan nanti, apakah agaknya reaksi pakatan pembangkang? Jika BN menang dengan majoriti lebih kecil, mereka mungkin menyatakan BN tidaklah sekuat mana, hanya dengan calon Bebas, majoriti BN dapat dikurangkan. Kononnya, jika parti pembangkang bertanding, maka majoriti BN akan lebih kecil lagi.

Jika BN menang dengan majoriti lebih besar, mereka mungkin menyatakan yang inilah bukti bahawa sistem pilihan raya tidak adil dan menyebelahi BN. Kononnya, inilah sebabnya mengapa mereka memboikotnya.

Walau apapun gelagat pakatan pembangkang, pokoknya, mereka terlepas peluang untuk menggunakan Batu Talam sebagai pentas bagi membuktikan tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan BN.

Dengan kata-kata lain, ini membuktikan kemantapan kepemimpinan Datuk Se-

dan maruah kerajaan BN, iaitu seperti yang didakwa pakatan pembangkang? Jawapannya sudah tentulah tidak.

Kebanyakan orang percaya sistem pilihan raya yang diamalkan Amerika Syarikat dan United Kingdom adalah yang terbaik. Tetapi, menurut Lijphart, sistem majoriti yang diamalkan di kedua-dua negara berkenaan tidaklah lebih baik daripada sistem konsensus yang diamalkan, contohnya, di Switzerland.

Sistem konsensus juga mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mengawal inflasi dan pengangguran serta mengehendkan defisit bajet, iaitu sama saja seperti yang dapat diberikan sistem majoriti. Malahan, dalam hal ehwal tertentu, seperti kesaksamaan politik, perwakilan wanita, partisipasi rakyat dan hubungan rapat antara dasar kerajaan dengan keinginan pengundi, sistem konsensus ternyata lebih baik.

Yang penting ialah kita sentiasa memperbaiki sistem pilihan raya yang ada. Dalam hal ini, jika digunakan ukuran pembangkang (bila menang sistem itu betul, tetapi bila kalah sistem tidak betul),

nipuan dan penyelewengan yang perlu diboikot.

Namun, tindakan pembangkang menuhuh bahawa sistem pilihan raya kita amat buruk sehingga perlu diboikot, tidaklah menghairankan. Mereka selalu memperbesarkan sesuatu, malah sehingga memberinya gelaran yang bukan-bukan. Contohnya, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah digelar maha firaun manakala Abdullah pula digelar gembala.

Kesimpulannya, esok, yang paling penting ialah untuk pengundi Batu Talam keluar beramai-ramai menunaikan tanggungjawab dalam meneruskan amalan demokrasi kita.

Pilihan yang ada ialah antara calon Bebas yang tidak akan dapat berbuat apa-apa (kerana beliau sendiri mengaku tidak punya matlamat) atau calon BN yang akan meneruskan khidmat cemerlang kerajaan hari ini.

Datuk Saifuddin Abdullah ialah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)